

Bukti dua pemimpin sentiasa sepa kat

17 JUL 1993

Oleh Ibrahim Yahya Gambar Zulkifli Osman

LANGKAWI, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertemuannya dengan Presiden Suharto bukan saja dapat mengeratkan hubungan peribadi dan negara, tetapi membuktikan mereka juga sepakat mengenai pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Menurut Perdana Menteri, dalam pertemuan dua setengah jam dengan pemimpin Indonesia itu, tiada pendapat berbeza mengenai ketiga-tiga isu berkenaan malah lebih banyak persefahaman dicapai mengenainya.

"Kita bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara sama ada dari segi hubungan serantau atau antarabangsa.

"Dalam bidang antarabangsa, kita sependapat dengan isu seperti Bosnia dan masalah dagangan antarabangsa serta China," katanya dalam sidang akhbar selepas mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Suharto dan rombongannya.

Rombongan pemimpin Indonesia itu berlepas pada jam 3 petang dengan pesawat Pelita Air dari Lapangan Terbang Langkawi di sini.

Semalam, Dr Mahathir dan Suharto mengadakan

pertemuan empat mata selama dua jam setengah di Pelangi Beach Resort di sini. Pagi ini, mereka mempunyai atur cara masing-masing.

"Sebenarnya saya mempunyai hubungan rapat dengan Presiden Suharto. Kami sering bertemu setiap tahun dan tanggapan yang mengatakan hubungan Malaysia-Indonesia mempunyai masalah adalah tidak benar sama sekali

"Soal tuntutan sempadan berlapis (Pulau Sipadan dan Ligitan) adalah masalah biasa yang dihadapi oleh negara berjiran. Ini bukan satu isu besar dan ianya akan diselesaikan melalui rundingan," katanya.

Berhubung dakwaan pergeserannya dengan Suharto, Dr Mahathir berkata hubungannya dengan pemimpin Indonesia itu sentiasa mesra dan pertemuan tiga hari itu membuktikan segalanya.

"Saya sering mengunjungi Presiden Suharto di Jakarta dan mengadakan pertemuan empat mata setiap kali ke sana. Hanya tahun lalu, Presiden Suharto tidak dapat ke sini kerana sibuk dengan pelbagai perkara.

"Saya fikir pertemuan empat mata yang diada-

kan ketika mengunjungi Suharto dan ketika di sini lebih memberi peluang untuk berbincang secara lebih dekat dan berkesan," katanya.

Menurutnya, tahun hadapan beliau akan melawat Jakarta.

Mengenai kerjasama di bidang ekonomi, Dr Mahathir berkata, mereka berbincang mengenai memasukkan Proton Saga ke Indonesia, pembelian pesawat CN235 buatan Indonesia dan Program Pembangunan Segi Tiga Utara.

"Kita membincangkan pelbagai kemungkinan untuk mempercepatkan usaha sama ekonomi bagi mempertingkatkan hubungan dagangan antara kedua-dua negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, perbincangan Program Pembangunan Tiga Segi Utara membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand tertumpu kepada usaha untuk melaksanakan cara paling berkesan dan terbaik.

Ditanya sama ada dengan usaha pembangunan di utara itu, pembangunan di Selatan kurang diberi perhatian terutama Johor, beliau berkata Johor kini lebih menumpukan pelaburan yang banyak dalam negeri.